

Lelaki merokok di kedai makan didenda RM3,000

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini, semalam menjatuhkan hukuman denda RM3,000 atau sebulan penjara terhadap seorang lelaki berusia 43 tahun yang mengaku bersalah merokok di kawasan larangan iaitu di kedai makan pada Ogos 2025.

Majistret Ling Hui Chuan menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 16(2) Akta Kawalan Produk

Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 dibaca bersama Seksyen 16(3) akta yang sama, yang memperuntukkan hukuman denda RM5,000.

Berdasarkan fakta kes, kejadian berlaku ketika Ops Rokok dijalankan oleh Pasukan Penguatkuasaan Pejabat Kesihatan Daerah Lundu di sekitar Kuching.

Menerusinya, tertuduh telah diberi notis kesalahan di bawah Seksyen 47 Akta Kawalan Produk Merokok

Demi Kesihatan Awam 2024 dan diberi peluang selama dua bulan untuk menyelesaikan kompaun di mana-mana Pejabat Kesihatan.

Bagaimanapun, tertuduh gagal berbuat demikian sehingga tamat tempoh dua bulan tersebut, menyebabkan kes telah difailkan di mahkamah untuk tindakan lanjut.

Semasa prosiding kes, Pegawai Pendakwa Unit Inspektorat dan Perundangan,

Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching Mohd Fairos Ibrahim memohon agar hukuman setimpal dikenakan kepada tertuduh sebagai pengajaran kepada tertuduh dan orang awam.

Ia katanya, supaya orang awam menjelaskan kompaun pada masa ditetapkan, selain mengambil perhatian dan tumpuan kepada kawasan larangan merokok yang telah diwartakan sejak sekian lama.